



MAJLIS PERASMIAN HARI KUALITI RISDA NEGERI KEDAH 2008

UCAPAN PERASMIAN

**TN. HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA(PENGURUSAN & KORPORAT)**

TEMPAT: DEWAN LANGKASUKA, PEJABAT RISDA NEGERI ,
ALOR STAR, KEDAH
TARIKH: 26 OKTOBER 2008
MASA: 10.00 PAGI

- Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis
- Yang Dihormati En. Azmi bin Mohamad
Pengarah RISDA Negeri Kedah
- Tn. Hj. Adnan bin Din
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Kedah
- Pegawai-Pegawai RISDA Daerah
- Pengurus-Pengurus Anak Syarikat
- Pegawai-Pegawai Kanan RISDA
- Ketua- Ketua Stesen
- Yang Diraikan Penerima-penerima Anugerah ,

- Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA Kedah yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t,

1. Penghargaan

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk menjayakan Hari Kualiti RISDA Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2008. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat

3

hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Bagi pihak Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah, saya mengucapkan terima kasih di atas jemputan RISDA Kedah untuk merasmikan Hari Kualiti pada hari ini. Saya merasa amat bertuah hari ini kerana dapat bertemu dengan pegawai dan kakitangan RISDA Kedah.

2. Tujuan Hari Kualiti

Majlis ini yang diadakan setiap tahun adalah satu usaha Pengurusan RISDA untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Pegawai dan Kakitangan RISDA yang telah

4

menunjukkan prestasi yang cemerlang. Hari Kualiti merupakan salah satu cara Kerajaan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan untuk menginstitusikan budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam. Sebagai penjawat awam, kita dituntut oleh Kerajaan dan juga oleh rakyat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memuaskan, serta berintegriti.

Kepada anggota RISDA yang berada di Dewan ini dan juga yang sedang bertugas di stesen, daerah, dan negeri, saya berharap budaya kualiti mestilah terus diterapkan dalam tugas harian.

5

Amalan kualiti tidak seharusnya ditumpukan pada hari ini sahaja, tetapi pada setiap masa aktiviti kerja dilakukan.

3.Cabaran Perkhidmatan Awam

Alhamdulillah, negara kita telah terus maju dan berkembang sejak mencapai kemerdekaan lebih 50 tahun yang lalu. Dengan kemajuan dan pembangunan ini, jumlah pendapatan, taraf pendidikan dan pengetahuan, taraf kesihatan dan kualiti hidup rakyat telah meningkat dengan pesat. Ini adalah merupakan suatu pencapaian yang amat membanggakan, dipelopori oleh pemerintah negara dengan disokong oleh perkhidmatan awam.

6

Kita harus bersyukur kerana segala yang usahakan oleh pemimpin terdahulu sehingga kini telah banyak memberikan kesan yang positif sehingga negara kita diiktiraf sebagai antara yang terkemuka di kalangan negara membangun di dunia.

Namun demikian, kemajuan ini juga membawa cabaran yang semakin besar kepada Perkhidmatan Awam. Tahap pendidikan dan pengetahuan yang lebih tinggi membawa harapan rakyat yang lebih mencabar. Di samping itu, rakyat juga didedahkan dengan pelbagai maklumat global melalui pelbagai saluran media

7

elektronik dan media cetak seperti blog dan youtube yang belum tentu kesahihannya.

Bagi menangani cabaran ini kita hendaklah berpengetahuan dan berkemahiran, serta mempunyai kreativiti dan strategi yang berkesan supaya pembangunan dan kemakmuran pekebun kecil dapat ditingkatkan. Dalam hubungan ini, kita memerlukan penjawat awam yang boleh berfikir atau the thinking public service. Kita perlu berfikir secara strategik, membuat analisa dengan rasional serta mencapai kepada rumusan yang praktikal untuk dilaksanakan, dan seterusnya dipantau dan dikuatkuasakan

8

sewajarnya. Oleh itu, saya percaya warga RISDA akan sentiasa mampu mengimbangi kehendak dan harapan pekebun kecil secara berkesan.

Namun begitu, ada juga kehendak rakyat yang tidak dapat atau tidak boleh dipenuhi. Dalam hal ini, kita hendaklah bijak memberi penerangan dan penjelasan supaya ianya dapat difahami dan diterima, dan bukan dianggap sebagai kegagalan pihak RISDA. Ini termasuklah permintaan yang menyalahi peraturan atau perundangan negara atau di luar kemampuan kewangan Kerajaan.

4 Penambahbaikan Berterusan

Sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa melakukan penambahbaikan yang berterusan bagi meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan. Kita hendaklah berani mengubah peraturan-peraturan yang telah lapuk dan tidak lagi sesuai digunakan serta telah lama diamalkan, walaupun melibatkan pindaan undang-undang atau akta tertentu. Proses penambahbaikan ini memerlukan kajian yang lebih terperinci dan lebih fokus supaya tindakan yang diambil bertepatan dengan kehendak rakyat.

5. Clean Certificate/Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan

Salah satu perkara penting dalam menjayakan pengurusan kualiti adalah keupayaan kita membentuk kumpulan atau '*team building*'. Hasil daripada *team work* dan pengurusan kerja yang baik, saya ingin umumkan pada tahun kewangan 2007 RISDA sekali lagi berjaya mendapat ***clean certificate dalam bidang pengurusan kewangan***. Ini bermakna RISDA telah 12 kali telah berjaya mendapatkan *clean certificate* .

Saya penuh yakin ini menjadi satu kebanggaan kepada RISDA dan aggotanya. Selain itu, RISDA juga telah di senarai pendekkan dan masuk ke peringkat akhir untuk ***Anugerah Kualiti***

11

Pengurusan Kewangan (AKPK). Selain daripada itu, RPSB juga telah menerima ***Anugerah 1000 Syarikat Terbaik dalam Malaysia***. Saya berharap RISDA dapat mengulangi kejayaan ini pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya. Untuk mengekalkan kecemerlangan ini, semua anggota RISDA terus peka tentang *procedure-procedure* dengan mematuhi dan perbaiki kelemahan dan tidak melakukan kesilapan yang boleh menjejaskan tatacara pekhidmatan dan pengurusan kewangan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua anggota RISDA tak kira di Ibu Pejabat atau di Negeri, Daerah atau Stesen sebab semua

12

memainkan peranan masing-masing untuk penerimaan Anugerah-anugerah ini.

Sempena Majlis ini marilah kita sama-sama berfikir dan **bermuhasabah diri serta memperbaharui tekad dan azam** kita untuk menaikkan taraf RISDA ke tahap yang lebih baik. Semoga Allah S.W.T akan memberi taufik dan hidayatnya kepada kita sekalian dalam segala usaha yang kita laksanakan.

Untuk itu usaha-usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk memperkasa dan menambah baik keberkesanan. Selaras dengan usaha itu juga, semua pegawai dan anggota RISDA akan dipastikan

13

untuk melaksanakan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab serta sentiasa menjaga **imej perkhidmatan RISDA**.

6. Disiplin Diri

Disiplin Diri serta berbudi bahasa dan berbudaya seperti mana yang disarankan oleh Kerajaan perlu kita terapkan dan amalkan dalam budaya kerja di RISDA serta dalam kehidupan kita seharian. Disiplin yang tinggi dalam setiap anggota merupakan aset penting dalam sesebuah organisasi. Ia merupakan salah satu aspek yang penting dalam usaha kita membangunkan RISDA

14

secara keseluruhannya. Dalam menjalani kehidupan sebagai makhluk Allah S.W.T seharusnya kita **bekerja seikhlas mungkin** agar semua hasil kerja yang kita perolehi mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

7. Anugerah Khidmat Cemerlang

Tahniah kepada RISDA Kedah kerana berjaya menganjurkan Majlis ini yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penerima-penerima Khidmat Cemerlang, Khidmat Setia dan Meraikan Pesara-pesara RISDA serta Anugerah-anugerah kualiti yang lain. Pengurusan RISDA amat prihatin ke arah

15

kecemerlangan dalam perkhidmatan Awam dan adakan Majlis ini sebagai event tahunan yang begitu bermakna kepada warga RISDA.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah dan adalah diharapkan Penerima-penerima Anugerah hari ini akan terus cemerlang kerana kecemerlangan tidak statik dan akan berubah, bila tiba masanya tahap kualiti yang lebih baik perlu di capai. Oleh yang demikian kita tidak harus berpuashati apabila telah mencapai satu tahap kecemerlangan. Kita perlu terus cemerlang dan cemerlang serta perlu bersedia untuk meningkatkan kecemerlangan dan seterusnya meningkatkan produktiviti kerja.

16

Semoga Anugerah Khidmat Cemerlang akan terus memotivasikan mereka untuk sekurang-kurangnya 3 tahun dan dalam tempoh tersebut, Anugerah ini akan diberi untuk memotivasikan staf RISDA yang lain.

8. Anugerah Khidmat Lama

Turut diraikan pada hari ini anggota RISDA yang telah berkhidmat lebih daripada 25 tahun. Mereka ini adalah contoh terbaik kakitangan yang telah menunjukkan kesetiaan berkhidmat dengan penuh dedikasi. Mereka telah setia bersama RISDA dan saya bagi

17

pihak Pengurusan RISDA merakamkan penghargaan terhadap segala jasa dan perkhidmatan yang telah dicurahkan.

9. Pesara-Pesara RISDA

Selain itu, diantara tetamu kehormat kita pada hari ini adalah pesara-pesara RISDA Kedah. Kita meraikan mereka kerana jasa dan bakti yang telah dicurahkan. Pengalaman dan kepakaran yang ada pada mereka sukar dicari ganti. Saya ingin mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka diatas segala jasa yang dicurahkan selama berada dalam RISDA. Jasa-jasa Tuan-tuan dan Puan-puan akan dikenang setiap

18

masa. Saya harap Tuan-tuan dan Puan-puan masih lagi meneruskan hubungan dengan kami semua dan kami mendoakan Tuan-tuan dan puan-puan hidup lebih bahagia dan sentiasa dirahmati dan diberkati Allah S.W.T.

10. Penutup

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima Anugerah Khidmat Cemerlang, Khidmat Lama dan Pesara-Pesara RISDA serta Anugerah-anugerah kualiti yang lain bagi Tahun 2008. Anugerah ini merupakan penghargaan Kerajaan kepada

19

anggota Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Saya percaya pemilihan oleh Panel Pengurusan RISDA Kedah ini dibuat dengan pertimbangan yang adil, objektif dan boleh diyakini, selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Pengarah RISDA Negeri Kedah di atas jemputan ini dan saya doakan RISDA Kedah akan terus mengekalkan perkhidmatan yang cemerlang, gemilang lagi terbilang dan relevan dengan keadaan semasa.

20

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya bagi pihak Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah RISDA, merasmikan **Hari Kualiti RISDA Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2008.**

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.